

HIBAH KOMERSIAL: SATU TINJAUAN TERHADAP PROSEDUR DAN AMALAN DI MALAYSIA

COMMERCIAL GIFTS (HIBAH): AN OVERVIEW OF THE PROCEDURE AND PRACTICE IN MALAYSIA

Alias Bin Azhar¹
Mohammad Azam Hussain²
Muhammad Hafiz Badarulzaman³
Fauziah Mohd Noor⁴

ABSTRAK

Hibah menurut Islam secara umumnya merupakan satu perbuatan memberi milik harta kepada orang lain tanpa gantian (tukaran). Sehubungan itu, aplikasi Hibah menjadi lebih sistematik dan bersifat komersial masa kini. Wujud agensi yang terlibat secara aktif dalam soal pelaksanaan Hibah. Hibah Trust merupakan salah satu kaedah Hibah yang bercirikan integrasi antara Hibah dan amanah. Realiti Hibah di Malaysia ialah melibatkan dokumen Hibah dan Pri Hibah. Dokumentasi hibah merupakan prosedur khas yang digalakkan untuk dilakukan penghibah semasa hayatnya. Amanah Raya Berhad atau AmanahRaya, dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka telah ditubuhkan pada 1 Mei 1921. Ia dikorporatkan pada 1 Ogos 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. AmanahRaya adalah syarikat milik penuh kerajaan dengan pegangan saham sebanyak 99.99% oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan 0.01% oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Selain itu, terdapat juga beberapa syarikat seperti Wasiyyah Shoppe, As-Salihin Trustee Bhd dan Warisan Mukmin turut tersenarai dalam kategori syarikat yang beroperasi secara aktif dalam aspek pengurusan dan perancangan Hibah. Terdapat juga syarikat yang menawarkan perkhidmatan terus ke rumah, syarikat beralamat di www.wasiat4U.com. Secara kasarnya, terdapat banyak syarikat di Malaysia yang menjalankan aktiviti komersial berorientasikan perkhidmatan pengurusan pusaka amnya dan Hibah khususnya. Kertas kerja ini akan mengupas aspek pelaksanaan dan prosedur diamalkan dalam penawaran produk Hibah berbentuk komersial.

Kata Kunci: *Hibah Trust, Hibah Komersial, Amanah, Francais*

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa, 06010 UUM, Sintok, Kedah, emel: az.alias@uum.edu.my, tel: 0125898510

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa, 06010 UUM, Sintok, Kedah.

³ Pensyarah, Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa, 06010 UUM, Sintok, Kedah

⁴ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa, 06010 UUM, Sintok, Kedah.

ABSTRACT

Gifts (hibah) in accordance with Islam generally is one act of giving possession of the property to others without replacement. Therefore, a more systematic application Gifts (hibah) and commercial use today . Existing agencies are actively involved in the implementation of the Gifts . Trust Gifts (hibah amanah) is one method that is characterized by the integration of Gifts (hibah) and Trust (amanah). In fact and reality of Gifts (hibah) in Malaysia is involved documents and Pre-Gifts (hibah). Gifts Documentation a special procedure to encouraged the gift giver to do during his lifetime . Amanah Raya Berhad or AmanahRaya , formerly known as the Department of Public Trustee and Official Administrator was established on May 1, 1921 . It was incorporated on August 1, 1995 under the Companies Act 1965. AmanahRaya is a wholly owned government company with a market share of 99.99 % by the Minister of Finance (Incorporated) and 0.01% by the Federal Land Commissioner . In addition, there are also some companies like Wasiyyah Shoppe , As- Salihin Trustee Bhd and Warisan Mukmin Sdn Bhd. is also listed in the category of companies operating actively in the planning and management especially Gifts (hibah). There are also companies that offer directly to the home services like www.wasiat4U.com . Roughly, there are many companies in Malaysia engaged in commercial activity in general estate management service oriented and Gifts (hibah) in particular . This paper explores aspects of the implementation and the procedures adopted in the form of Gifts (hibah) commercial product offering.

Keywords: *Trust Gifts , Commercial Gifts, Trust , Franchise*

1. KONSEP HIBAH

Sebarang usaha dan rancangan persediaan yang perlu dan wajar dilakukan bagi membahagikan dan mengagihkan harta-harta yang dimiliki oleh pemilik harta kepada para waris ataupun bakal penerima harta yang lain, apabila pemilik harta meninggal dunia. Perancangan pembahagian ini dibuat semasa pemilik harta masih hidup. (Mohd Fitri, 2007) Hibah sebagai hadiah atau sesuatu pemberian untuk penghargaan atau memuliakan seseorang. Hadis Nabi: Kamu saling memberi hadiah, kamu saling mengasihi (al-Bukhari:t.t, al-Baihaqi:t.t dan al-‘Asqalani: 1979). Pemberian hadiah dapat memupuk rasa kasih sayang.

Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Ia merangkumi hadiah dan sedekah. Ketiga-tiga istilah ini mempunyai pengertian yang hampir sama. Perbezaannya dari aspek tujuan pemberian itu, di mana sedekah ialah suatu pemberian yang bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan ia biasanya dari yang kaya kepada yang miskin. Manakala hadiah pula ialah pemberian untuk memuliakan seseorang dan biasanya ia ada hubungkait dengan sesuatu perkara. Secara ringkasnya, bahawa setiap sedekah dan hadiah adalah hibah, tetapi bukan semua hibah adalah sedekah dan hadiah.

Hibah pada istilah syarak ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (‘iwad). Secara lebih khusus lagi, hibah ialah suatu akad pemberian milik ‘ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (‘iwad) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul atau seumpamanya (al-Nawawi:1985, al-Khatib:t.t dan al-Ramli:1967).

Secara mudahnya, bagi membezakan antara hibah umum dan khusus ialah merujuk elemen kewujudan akad atau sebaliknya. Hibah umum tidak wujud elemen akad dalamnya, manakala Hibah khusus pula wujud elemen akad yang digunakan dalam Hibah tersebut. Penjelasan kepada kategori Hibah ini terkandung dalam penghakiman kes Harun bin Muda dan lain-lain v Mandak binti Mamat (Jurnal hukum:1999). Kes diputuskan oleh Dato' Haji Ismail bin Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu ini menyebut perbezaan antara Hibah, hadiah dan sedekah.

Hukum Hibah adalah harus dan digalakkan (al-Nisa':4 dan al-Baqarah:177) dan menurut hadis Nabi, ianya tidak boleh ditarik balik atau membatalkannya setelah berlaku *al-Qabd* (pindah milik/penerimaan)(al-'Asqalani:t.t. al-Nawawi:2003 dan Abi al-Tayyib:1979). Pengecualian bagi kes menarik balik Hibah hanya terhad kepada pemberian Hibah seorang bapa kepada anaknya atau datuk kepada cucunya. Hukum menerima Hibah pula ialah sunat dengan syarat pemberian bukan sesuatu yang haram dan dimaklumi status halalnya (al-Haydar:t.t). Secara literalnya Hibah boleh disimpulkan dengan ciri-ciri spesifik seperti berikut:

- i) Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.
- ii) Harta yang boleh diHibahkan ialah ain harta (secara konkrit), bukannya hutang atau sekadar manfaat.
- iii) Akad Hibah dibuat tanpa sebarang barang ('iwad).
- iv) Akad Hibah berkuat kuasa semasa hidup pengHibah.
- v) Dibuat secara sukarela tanpa paksaan atau pengaruh.
- vi) Akad dibuat bukan bertujuan mendapat pahala atau memuliakan seseorang, dalam erti kata berbeza sifatnya dengan sedekah dan hadiah.

Jenis harta yang boleh dihibahkan ialah semua jenis harta yang menjadi milik sah penghibah seperti hartanah (rumah, tanah, kondominium, apartment dsb), saham syarikat (sdn bhd atau berhad), saham unit amanah, polisi insurans atau Takaful dan lain-lain harta bernilai yang boleh dimiliki dan dipindah milik. Tujuan dan kesan Hibah ialah semata-mata ingin memenuhi kehendak penghibah berkenaan kepada siapa yang dia ingin berikan hartanya. Contohnya seorang ibu yang ingin memberikan rumahnya kepada anak angkatnya setelah kematiannya nanti. Beliau boleh mengisytiharkannya melalui dokumen Hibah. Secara automatik rumah yang dihibahkan akan terkeluar daripada senarai harta pusaka dan tidak akan difaraidkan kepada ahli waris. Sesiapa saja boleh melakukan Hibah ke atas hartanya kepada sesiapa saja yang dikehendakinya.

2. DOKUMENTASI HIBAH

Realiti Hibah di Malaysia ialah melibatkan dokumen Hibah. Dokumentasi hibah merupakan prosedur khas yang digalakkan untuk dilakukan penghibah semasa hayatnya. Fungsi dokumen ini ialah untuk memastikan harta yang diberikan kepada orang tersayang diterima tanpa boleh dicabar oleh waris lain. Syarikat As-Salihin Trustee Bhd turut menawarkan Pri Hibah dalam senarai produk Hibah kepada pelanggan..

Amalan semasa, umumnya *ijab* dan *qabul* dilaksanakan secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak (penghibah dan penerima) serta disaksikan oleh dua orang saksi. Keadaan ini berbeza dengan hibah yang dipraktikkan masa lampau hanya secara lisan semata-mata. Ini menimbulkan kesukaran proses pembuktian apabila wujud tuntutan atau penafian hibah di mahkamah (Mohd Ridzuan Awang:2003).

Manfaat dokumen Hibah secara umumnya memudahkan proses agihan harta si mati dan dapat mengelakkan pertikaian antara penerima Hibah dan waris setelah kematian pemilik harta. Manfaat lainnya ialah;

- a) Waris tidak boleh mencabar harta yang telah dihibah.
- b) Dokumen dibuat semasa hidup tetapi pertukaran hakmilik dibuat selepas kematian.
- c) Harta boleh diberikan kepada bukan waris tanpa boleh dicabar.
- d) Harta yang dihibah terkeluar daripada harta pusaka.
- e) Pewarisan harta lebih jelas.
- f) Proses turunmilik lebih jelas.

Amalan Hibah adalah berkesan terutamanya kepada orang Islam yang berhasrat untuk memberikan harta tertentu mengikut fomulanya sendiri. Namun, setiap kontrak dalam muamalah Islam mempunyai rukun-rukun dan syarat-syaratnya yang perlu dipenuhi, termasuk juga instrumen Hibah dalam aspek pentadbiran harta Islam. Akad Hibah menjadi sah setelah rukun-rukun dan syarat-syaratnya menepati syara'.

3. HIBAH KOMERSIAL DI MALAYSIA

a) Amanahraya Berhad (ARB)

Amanahraya Berhad menyenaraikan faedah-faedah pelaksanaan hibah antaranya:

- Penghibah bebas menghibahkan harta yang dimiliki kepada sesiapa sahaja penerima yang dihajati.
- Jenis harta yang boleh dihibahkan ialah rumah / hartanah yang tidak bercagar dan mempunyai surat hakmilik/geran serta wang tunai sahaja.
- Ibubapa boleh menghibahkan harta kepada anak angkat & anak kandung.
- Suami / isteri dapat menghibahkan harta kepada sesama mereka.
- Harta yang dihibah terkeluar daripada pentadbiran harta pusaka.
- Sesiapa sahaja layak menerima harta Hibah.
- Harta yang telah dihibahkan dengan cara yang sempurna tidak boleh dituntut oleh waris-waris lain.
- Sebagai satu alternatif atau penyelesaian bagi pembahagian harta bagi saudara baru / mualaf.
- Penghibah masih boleh menikmati faedah atau manfaat harta yang telah dihibahkan.
- Pembatalan Hibah adalah dibolehkan jika melibatkan Hibah yang dibuat oleh ibu/bapa kepada anak atau datuk/nenek kepada cucu jika memenuhi syarat-syarat tertentu atau juga atas persetujuan bersama Penghibah dan Penerima Hibah

Sehubungan itu, ARB turut menyatakan kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh pihaknya dalam menjalankan urusan berkaitan pengurusan wasiat, amanah dan hibah. ARB mempunyai kelebihan-kelebihan seperti berikut;

- a) AmanahRaya mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam mengendalikan Peramanahan sejak 1921.
- b) AmanahRaya merupakan syarikat milik penuh kerajaan di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan).
- c) AmanahRaya dikawalselia oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- d) Mendapat kelulusan semasa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-76.

- e) Mendapat kelulusan Majlis Pengawasan Syariah AmanahRaya.
- f) Diperbadankan melalui Akta tersendiri iaitu Akta Perbadanan AmanahRaya 1995.
- g) AmanahRaya melaksanakan pentadbiran Hibah AmanahRaya dengan profesional.

Seseorang yang ingin menghibahkan sesuatu hartanya kepada Penerima Hibah, perlu melengkapkan Borang Hibah AmanahRaya dan seterusnya mengikuti prosedur yang ditetapkan oleh Amanah Raya Berhad.

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :

- 1) Borang Permohonan Hibah AmanahRaya
- 2) Salinan Kad Pengenalan Penghibah/Penerima Hibah/Wali Mal/Penjaga/Saksi
- 3) Bayaran Fi Hibah AmanahRaya

Bagi Harta Alih hanya Tunai/ Cek (sebagai harta hibah). Manakala keperluan dokumen bagi Harta Tak Alih:

- 1) Salinan Surat Hakmilik Tanah (Geran Tanah/ Hakmilik Strata)
- 2) Salinan Polisi Insurans Kebakaran
- 3) Resit Asal Cukai Tanah/ Cukai Taksiran Terkini
- 4) Resit Asal Cukai Pintu
- 5) Bayaran Wang Pendahuluan Perbelanjaan
- 6) Fi Hibah AmanahRaya
- 7) Anggaran jumlah setem duti ad valorem

Berbekalkan pengalaman lebih 85 tahun dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, AmanahRaya muncul sebagai syarikat peramanahan dan perwarisan yang utama di Malaysia. AmanahRaya menawarkan perkhidmatan yang meliputi perkhidmatan Pentadbiran Harta Pusaka, Penulisan, Penyimpanan & Pelaksanaan Wasiat, dan Perkhidmatan Peramanahan.

b) As-Salihin Trustee Bhd. (ASTB)

As-Salihin Trustee Bhd. diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, as-Salihin adalah sebuah Syarikat Amanah yang ditubuhkan untuk memenuhi keperluan umat Islam untuk memelihara, melindungi dan mengagihkan harta hasil titik peluh mereka untuk manfaat orang-orang tersayang apabila mereka meninggal dunia kelak melalui perancangan harta Pusaka Islam. Misi utama syarikat ialah menyediakan semua perkhidmatan berkaitan Perancangan Harta berasaskan prinsip Syariah.

Merujuk amalan penawaran produk di As-Salihin Trustee Bhd. Terdapat sedikit perbezaan produk yang ditawarkan berbanding ARB dan lain-lain. Selain dokumen hibah, ASTB turut menawarkan Pri Hibah atau Deklarasi Hibah. Maksudnya, Hibah yang diiktiraf dari segi syariah tetapi pertukaran hak milik secara sah dibuat selepas berlaku perkara-perkara atau syarat-syarat yang telah ditetapkan (triggering events) dalam Deklarasi Hibah.

Di dalam Pri-Hibah, pemilik harta akan menyerahkan harta yang ingin dihibahkannya kepada Pemegang Amanah. Sekiranya pemilik harta meninggal dunia, harta tersebut tidak perlu di

faraidkan dan boleh diserahkan terus kepada benefisiari yang dikehendaknya seperti yang termaktub di dalam Deklarasi Hibah.

Ciri-ciri deklarasi hibah As-Salihin Trustee Berhad ialah;

- i. Berkuatkuasa serta merta selepas deklarasi dibuat
- ii. Pemberian daripada ibu/bapa kepada anak boleh dibatalkan.
- iii. Pemberian kepada selain daripada anak-anak tidak boleh dibatalkan.
- iv. Tidak tertakluk kepada hukum Faraid akan tetapi mengikut terma di dalam Deklarasi Hibah.

Kelebihan membuat deklarasi hibah ini ialah pertama; aset yang dihibahkan tidak dianggap sebagai harta penghibah (Pusaka). Kedua; berkuatkuasa serta merta mengikut terma dan syarat di dalam Deklarasi Hibah. Ketiga; aset tidak tertakluk kepada Faraid dan terakhir, hak benefisiari selamat dan terjamin.

Prosedur diamalkan ASTB ialah seperti berikut;

- a) Apabila Penghibah/Pemegang Amanah tidak berupaya untuk mentadbir harta, maka Pemegang Amanah Ganti (as-Salihin) akan secara serta merta menjadi pemegang kepada harta amanah.
- b) Harta tersebut tidak perlu melalui proses permohonan Probet (disebabkan kewujudan klausa PA).
- c) ASTB akan mentadbir aset tersebut mengikut terma di dalam Deklarasi Hibah

Selain itu, As-Salihin Trustee turut mengingatkan pelanggan sekiranya ingin memindahkan aset tidak alih, dua pembayaran lain terpaksa dilakukan iaitu pembayaran duti setem dan Fi guaman.

c) Takaful Ikhlas Sdn Bhd.

Setiap insurans yang ada di dalam negara kita Malaysia ini mempunyai kelebihan masing-masing. Ia diibaratkan seperti saling melengkapi antara satu sama lain. Antara kelebihan yang terdapat di dalam Pelan Takaful Ikhlas mempunyai satu borang yang di panggil borang Hibah selain daripada Borang Penama. Kedapatan beberapa terma dan dokumen perlu berkaitan hibah komersial khususnya merujuk amalan di Takaful Ikhlas, antaranya ialah;

- a) Penama : Setiap nama yang diletakkan di dalam Borang Penama merupakan orang yang layak menuntut wang pampasan, tetapi bukanlah orang yang layak menerima wang pampasan. Wang pampasan masih lagi tertakluk di bawah hukum Faraid.
- b) Borang penama : ialah borang yang akan di uruskan oleh Amanah Raya untuk membuat proses tuntutan. Setiap nama yang tercatat di dalam borang penama tidak semestinya layak menerima wang pampasan kerana pembahagian wang pampasan akan mengikut hukum faraid.
- c) Borang Hibah : setiap nama di dalam borang ini merupakan waris yang layak menerima wang pampasan tersebut. Borang Hibah juga mengecualikan wang pampasan daripada Hukum Faraid. Borang Hibah memudahkan proses tuntutan dimana wang pampasan akan di bayar 100% terus kepada waris-waris yang tercatat namanya di dalam borang hibah tersebut. Ini tidak mengira nama waris tersebut terlibat dalam Hukum Faraid atau pun tidak.

Selain itu, Borang Hibah ini memudahkan proses tuntutan dan hanya mengambil masa 14 hari dari hari tuntutan dibuat kerana tidak perlu melalui Amanah Raya yang mana kadang kala megambil masa berbulan-bulan ataupun bertahun-tahun sebelum sesuatu pembayaran tuntutan itu dibuat. Sebab itu Takaful Ikhlas bahagian Death Claim adalah yang terbaik di Malaysia, paling cepat dalam tempoh 14 hari kerana adanya borang Hibah.

Menurut pemerhatian penulis, terdapat 9 buah syarikat yang bernaung di bawah Amanah Raya Berhad adalah seperti berikut, antaranya My Legacy Wills Services, KL, Amalan Harmoni Sdn Bhd, Johor Bahru, Moreclass (M) Sdn Bhd, Selangor, Perfect Will Services, Selangor, UAS Bistari Management Sdn Bhd, Johor, Nakiwa Sdn Bhd, KL, Warisan Mukmin Sdn Bhd, Selangor, Capaian Aspirasi Sdn Bhd, Johor, Inkuas Smart Synergy Sdn Bhd, Negeri Sembilan dan Syihab Excellence Agency Sdn Bhd, Selangor. Selain itu, terdapat sebuah syarikat yang bercirikan organisasi keusahawanan iaitu Wasiyyah Shoppe, Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, syarikat-syarikat terbabit turut menjalankan urus niaga perkhidmatan secara francais berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi di bawah Akta Francais 1998. Ini bermakna, syarikat dipantau dan dikawal sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Perkhidmatan yang ditawarkan dalam aspek Hibah secara khususnya ialah Dokumen Hibah. Syarikat Amanah Hibah Sdn Bhd turut tersenarai dalam kategori syarikat yang beroperasi secara aktif dalam aspek pengurusan dan perancangan Hibah. Terdapat juga syarikat yang menawarkan perkhidmatan terus ke rumah, syarikat beralamat di www.wasiat4U.com. Secara kasarnya, terdapat banyak syarikat di Malaysia yang menjalankan aktiviti komersial berorientasikan perkhidmatan pengurusan pusaka amnya dan Hibah khususnya.

Hibah turut diadaptasikan sebagai konsep tambahan kepada produk-produk Takaful dan diamalkan oleh kebanyakan pengendali Takaful seperti produk Pelan Pendidikan oleh Takaful Ikhlas Sdn Bhd. Sebagai contoh, produk ini ditawarkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak. Ibu bapa bertindak sebagai pembayar sumbangan (pemberi Hibah) dan anaknya merupakan peserta Takaful (penerima Hibah). Hibah seperti ini diharuskan kerana memenuhi semua rukun dan syarat.

4. PERBANDINGAN PROSEDUR DOKUMENTASI HIBAH

Di sini penulis ingin membuat perbandingan secara jadual antara ciri-ciri produk Hibah yang ditawarkan oleh Amanah Raya Berhad (ARB) dan Wasiyyah Shoppe (WS). Perbandingan adalah seperti berikut:

Nama Bil	Amanah Raya Berhad (ARB)	Wasiyyah Shoppe (WS)
1.	PengHibah boleh menarik balik atau membatalkan jika dibuat oleh ibu/bapa/datuk/nenek kepada anak/cucu	PengHibah boleh batalkan Hibah bila-bila masa. Hibah yang diberikan kepada anak/cucu (sahaja). Hibah kepada waris atau bukan waris yang tidak jatuh dalam kategori anak atau cucu, tidak boleh ditarik balik.

2.	Sunat disamaratakan di kalangan anak lelaki dan perempuan, juga antara kedua ibu bapa dan saudara mara yang lain.	Formula pembahagian yang bebas.
3.	PengHibah masih boleh nikmati faedah harta dengan syarat ada persetujuan selepas sighthah.(Hibah Umra)	Penerima yang bebas. Waris atau bukan waris, Islam atau bukan Islam. Termasuk saudara baru boleh mengHibahkan harta kepada ahli keluarga yang bukan Islam.
4.	Sekiranya penerima Hibah meninggal dunia terlebih dahulu, harta menjadi pusaka penerima Hibah.	Sekiranya penerima Hibah meninggal terlebih dahulu, harta akan dikembalikan kepada pengHibah. (Hibah Ruqba)
5.	Dua bentuk Hibah: i) Hibah biasa (PengHibah-pindahmilik-penerima Hibah) ii) Amanah Hibah (PengHibah-Surat Ikatan Amanah-Pemegang Amanah-Penerima Amanah)	Dokumen Hibah dibuat semasa hidup tetapi pindahmilik selepas kematian.
6.	Semua jenis harta.	Harta yang dalam pinjaman juga boleh diHibahkan.

Ternyata terdapat beberapa perbezaan ciri produk yang ditawarkan, pertama; aspek perbezaan pada ciri ke-2, ARB mempraktikkan pandangan Jumhur Fuqaha dalam masalah kadar harta yang sunat disamaratakan antara penerima Hibah di kalangan anak-anak atau ahli keluarga . Selain itu, aplikasi Hibah *Umra* dan *Ruqba* pada ciri ke-3 dan ke-4. ARB mempraktikkan Hibah *Umra* manakala WS pula Hibah *Ruqba*.. WS pula tidak menyatakan hukum berkaitan kadar Hibah, bahkan mengikut formula pengHibah tersendiri. Ciri ke-5 Jenis Hibah yang ditawarkan kemungkinan sama iaitu Hibah biasa dan amanah Hibah, namun penulis tidak dapat mengenalpasti promosi produk Hibah biasa di syarikat Wasiyyah Shoppe kecuali Amanah Hibah melalui borang yang terdapat dalam talian (on-line).

Penulis turut menemui 2 contoh format borang pengisytiharan Hibah yang dilampirkan secara dalam talian. Hasil penelitian yang dibuat terhadap 2 contoh borang tersebut didapati terdapat perbezaan daripada sudut format, kandungan dan pengesahannya. Borang yang disediakan oleh pihak syarikat Wasiyyah Shoppe bersifat gabungan antara Hibah, amanah dan wasiat. Sifat Hibah turut dimuatkan dalam borang tersebut yang menyebut tentang keadaan menarik balik Hibah dan pengecualiaan dibuat jika Hibah antara bapa dan anak serta datuk dan cucu. Terdapat klausa pada sifat Hibah yang menyatakan bahawa “sekiranya penerima Hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada pengHibah, harta tersebut dipulangkan balik kepada pengHibah”. Klausa ini jelas menyamai Hibah *Ruqba* yang secara prinsipnya adalah sah pada Hibah tetapi syarat terbatal. Tetapi realiti pelaksanaan di Malaysia ternyata membenarkan Hibah *Ruqba* dalam pelaksanaannya. Di sini tampak jelas pemegang amanah ialah syarikat yang menjalankan perkhidmatan tersebut.

Merujuk format borang kedua pula, ianya lebih menyamai kontrak atau perjanjian bersifat persendirian dan mempunyai ciri-ciri perjanjian perundangan. Lengkap dengan saksi dan klausa perjanjian memenuhi rukun dan syarat Hibah sepenuhnya. Terdapat juga terma yang menyatakan tentang pemberi Hibah tidak dibenarkan menarik balik Hibah tanpa menyatakan pengecualian terhadap status bapa/datuk kepada anak/cucu.

Aplikasi Hibah menjadi lebih sistematik dan bersifat komersial masa kini. Wujud agensi yang terlibat secara aktif dalam soal pelaksanaan Hibah. Alternatif Hibah dilakukan bagi mengelakkan krisis dan pertikaian berkenaan selepas kematian pemberi Hibah. Hibah Trust merupakan salah satu kaedah Hibah yang bercirikan integrasi antara Hibah dan amanah. Harta yang diHibah akan dipegang oleh pemegang amanah dan akan diserahkan kepada penerima selepas kematian pemberi. Selain itu juga, ianya bersifat memelihara hak pemberi, sekiranya penerima mengabaikan pemberi, maka satu akad berasingan dibuat bagi membolehkan pemberi menggunakan dan mengurus harta sehingga dia meninggal dunia.

Pelantikan wasi atau pemegang amanah dan Hibah adalah elemen penting dalam pembahagian harta dalam Takaful. Peserta mendapat sejumlah wang pampasan sekiranya ditimpa musibah. Jika peserta meninggal dunia sejumlah wang akan diberikan kepada waris beliau. Di sini pemberian secara Hibah atau wasi perlu dipertimbangkan. Sekiranya peserta lelaki membuat Hibah keseluruhan pampasan kepada isterinya, maka isteri akan mendapat semua harta tanpa perlu difaraidkan. Tetapi jika peserta melantik isteri sebagai wasi, maka isteri perlu membahagikan pampasan kepada waris mengikut persetujuan waris atau secara faraid. Secara umumnya, dalam pengurusan harta instrumen Takaful peserta perlu membuat pemilihan bijak dalam menentukan mekanisme terbaik perancangan harta semasa hidup. Aspek penama, cadangan Hibah atau perlantikan wasi perlu difahami dengan jelas tentang fungsi dan peranan sebenar ketiga-tiga instrumen tersebut.

5. PENUTUP

Hibah komersial di Malaysia berperanan penting dalam memastikan kesinambungan hubungan kekeluargaan yang harmoni. Walaupun peruntukan undang-undang Negara tidak menyatakan secara khusus berkenaan beberapa instrumen yang terkandung dalam Pusaka Islam, namun pelaksanaannya amat efektif dan efisien. Kerjasama antara institusi pentadbiran, perundangan dan kewangan Negara memberi implikasi positif terhadap pembangunan dan pemantapan aspek mekanisme dan pelaksanaannya.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Rahman, M.F, 2006, *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*, KL:PTS Publishing

Ahmad Hidayat, 2002, *Bagaimana Membuat Wasiat*, KL:APIUM

Ahmad Ma'sum Billah, 2003, *Manual Of Principles And Practice Of Takaful and Retakaful*, KL:IIUM

Ahmad Zohdi Mohd Sheikh, 2009, *Asas Mengenal Pembahagian Harta Pusaka Mengikut Hukum Faraid*, Selangor:NZ Dar al-Ilmi

- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abdul Rauf, 1995, *Kamus Idris al-Marbawi*, Singapura:Pustaka Nasional
- Al-Zuhaily, Muhammad, 2001, *Al-Faraid Wa al-Mawarith Wa al-Wasoya*, Damsyiq:Dar al-Kalim al-Tayyib
- Ariff Bin Sabirin, 2009, *Instrumen Perancangan harta Bagi Saudara Baru*, Kertas Kerja Bengkel Wasiat Dan Harta Pusaka, Anjuran PERKIM & Wasiyyah Shoppe, 2 Mac , KL: Hotel Grand Pacific
- Husen Shahata, 2003, *Manhaj Islam Berinteraksi Dengan Harta Benda*, Terj. Kedah:Pustaka Darussalam
- Ibn Rush, 1989, *Bidayat al-Mujtahid Wa Nihayat al-Muqtasid*, Beirut: Dar al-Jil
- Mohd Fadhil Yusof, 2004, *Pelan Takaful Wakaf*, Nilai: KUIM
- Mohd Ifram al-Bustani, 1986, *Munjid al-Tollab*, Beirut: Dar al-Masyriq
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang, 2006, *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan Di Malaysia*, Bangi:UKM
- Muhammad Abu Zahrah, 1978, *Sharhu Qanun al-Wasiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi
- Muhammad Hasan al-Himsi, 1984, *Quran Karim: Tafsir Wabayan Ma’a Faharis Kamilah Lil Mawadhi’ Wal Alfadz*, Beirut: Dar al-Rasyid
- Mustofa al-Khin al-Bugho & Ali al-Syarbaji, 2005, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Terj. Jld 5, KL:Pustaka Salam
- Othman Yaakob, 2008, *Pembentukan Trust Hibah*, KL:UM
- Sobri Salamon, 1989, *Ekonomi Islam ;Pengenalan dan Kemungkinan*, Selangor: Dar al-Rahmaniyyah
- ,1992, *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*, KL:BAHEIS
- Wahbah al-Zuhaily, 1989, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Damsyiq: Dar al-Fikr
- Wan Abdul Halim Wan Harun, 2006, *Pengurusan Dan Pembahagian Harta Pusaka*, KL:DBP
- Zainal Abidin Safarwan, 1995, *Kamus Besar Bahasa Melayu*, KL:Utusan Publication *Jurnal Hukum*, 2004, Jld. XVIII (I), Putrajaya;JKSM
- Hukum Dan Kepentingan Faraid, 2009, *Pelan Pewarisan*, Warisan Mukmin Sdn Bhd, www.warisanmukmin.com/pelan_pewarisan.htm

www.afyan.com

www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=103

www.peguamsyarie.org

www.wasiyyahshoppe.com.my

<http://www.as-salihin.com/index.php>

<http://www.arb.com.my/bm/index>